

Pakatan akan batalkan penyenaian Felda Global sebaik tawan Putrajaya
The Malaysian Insider
14 Januari , 2012
Oleh Yow Hong Chieh

ALOR SETAR, 14 Jan — Pakatan Rakyat (PR) akan membatalkan penyenaian kontroversi Felda Global Ventures Holdings (FGVH) jika mereka menguasai persekutuan selepas pilihan raya umum akan datang.

Ketua biro PKR Felda and Orang Asal Suhaimi Said memberitahu konvensyen PR di sini penyenaian tersebut bertentangan dengan semangat asal skim pembangunan tanah persekutuan Felda yang bermaksud peneroka-peneroka tidak lagi akan mempunyai tanah mereka.

“(Felda) yang dibangunkan atas kerja keras peneroka-peneroka akan dipertaruhkan di pasaran saham,” tambahnya.

FGVH, bahagian komersial Felda, dijadualkan untuk disenaraikan kepada umum pada pertengahan tahun ini sebagai entiti perladangan dunia yang terbesar.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah mengumumkan penyenaian tersebut dalam ucapan Bajet 2012 tahun lepas.

Tetapi cadangan telah ditentang pembangkang daripada Persatuan Anak-anak peneroka Felda (Anak), yang mendakwa penyenaian tersebut merupakan penipuan terhadap 200,000 peneroka Felda di seluruh negara.

Di bawah cadangan penyenaian itu, peneroka-peneroka akan menukar kepentingan 51 peratus mereka dalam Felda Holdings — yang memperoleh keuntungan sebanyak RM760 juta tahun lepas — kepada kepentingan 61 peratus dalam FGVH, yang menyaksikan subsidiar antarabangnya itu kerugian RM500 juta sehingga 2010.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-akan-batalkan-penyenaian-felda-global-sebaik-tawan-putrajaya/>